

# **RAHSIA MENGHAFAK 3 SURAH AMALAN**

PENGHAFAK AL-QURAN DAN ADAB-ADABNYA

**SURAH AL-MULK**

**SURAH AL-WAQI'AH**

**SURAH AL-KAHFI**

## SIAPA SAYA?



Nama saya Muhammad Afnan bin Mohammad Nasaruddin. Mula melibatkan diri dalam dunia Hafazan Al-Quran pada umur 14 tahun. Lulusan Diploma Tahfiz Al-Quran dari KIAS. Dan kini masih bergiat aktif dalam mengajar Al-Quran kepada semua lapisan masyarakat tak mengenal usia.

## **KENAPA SAYA KELUARKAN EBOOK NI?**

Tak lain dan tak bukan untuk sebarikan manfaat pada anda semua tentang teknik dan cara yang tepat lagi sistematik untuk golongan dewasa yang berminat menghafal Al-Quran atau surah-surah pilihan dengan sendiri. Apa yang saya lihat, ramai dalam masyarakat kita berminat untuk menghafal tetapi mindset mereka mengatakan untuk menghafal ini bukan satu perkara yang mudah. Betul ke betul? Sebenarnya semua orang boleh menghafal jika kena dengan cara dan bersistem.

Ebook ini saya buat hasil daripada pengalaman saya dalam dunia Hafazan Al-Quran. Semoga sama-sama dapat manfaat dan jangan lupa amalkan ya. 😊



**“Menghafal Quran, bukan sesuatu perkara yang mudah namun ia tidak mustahil. Semua orang boleh menghafal Quran. Tapi! Mesti dengan cara dan kaedah yang tepat.**

## **SIAPA PENGHAFAL QURAN?**

Maksud hafiz al-Quran adalah orang yang memelihara al-Quran. Sentiasa mengulang, baik dengan cara membaca atau mendengar. Agar al-Quran sentiasa terpelihara, disampaikan dengan ilmu yang tepat, mengelak daripada pemalsuan dan sebagainya.

Tak semestinya kita hafal 30 juz baru boleh digelar penghafal Quran, tapi jika kita hafal banyak surah-surah lain itu juga boleh dikatakan sebagai penghafal Quran. Kita semua adalah penghafal Quran. Cuma beza banyak atau sedikit ayat Quran yang kita hafal. Namun begitu 30 Juzu' adalah yang terbaik.



**“Bacalah Al-Qur’an, karena  
sesungguhnya dia akan datang  
pada hari kiamat memberikan  
syafaat bagi para pembacanya.”**

**(HR. Muslim)**

## **KELEBIHAN HAFAL QURAN**

Begitu banyak kelebihan dan manfaat yang boleh disebutkan. Antaranya menghafal al-Quran adalah tanda-tanda orang yang diberi anugerah ilmu. Sesuai dengan firman ALLAH yang berbunyi:

*"Sesungguhnya, al-Quran itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalam dada orang-orang yang diberi ilmu. Dan tidak ada yang mengingkari ayat-ayat Kami kecuali orang-orang yang zalim."*

(Surah Al-Ankabut: 49)

Rasulullah SAW bersabda:

*"Di antara perbuatan mengagungkan ALLAH adalah menghormati orang Islam yang sudah tua, menghormati orang yang menghafal al-Quran yang tidak berlebih-lebihan dalam mengamalkan isinya dan tidak membiarkan al-Quran tidak diamalkan serta menghormati penguasa yang adil."*

(Riwayat Abu Daud)

Penghafaz al-Quran merupakan **VVIP** Allah S.W.T di dunia.

*“Sesungguhnya Allah memiliki kerabat-kerabatnya di kalangan manusia. Lalu mereka bertanya : Siapakah mereka ya Rasulullah S.A.W? Jawab baginda : Mereka adalah ahli al-Quran, merekalah kerabat Allah (**Ahlullah**) dan orang-orang pilihannya.”*

(Riwayat Ibnu Majah)

Penghafaz al-Quran mendapat pengiktirafan dari Nabi S.A.W.

*“Adalah nabi mengumpulkan di antara dua orang syuhada Uhud kemudian beliau bersabda, “Manakah di antara keduanya yang lebih banyak hafal al-Quran, ketika ditunjuk kepada salah satunya, maka beliau mendahulukan pemakamannya di liang lahad.”*

(Riwayat Bukhari)

Penghafaz al-Quran mendapat **bonus** berlipat kali ganda.

*“Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah (al-Quran) maka baginya (pembaca) dengannya (al-Quran) pahala dan pahala digandakan sepuluh sebagaimana. Aku tidak kata bahawa “alif laam mim” itu satu huruf tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim itu satu huruf”.*

(Riwayat Tarmizi)

Penghafaz al-Quran akan mendapat **syafaat** (penolong)

*Dari Abi Umamah ra. ia berkata, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Bacalah olehmu al-Quran, sesungguhnya ia akan menjadi pemberi syafaat pada hari kiamat kepada para pembacanya (penghafalnya).”*

(Riwayat Muslim)

## Mayat Tidak Reput

Disebutkan oleh hadis Rasulullah S.A.W bahawa sepuluh orang yang mayatnya **TIDAK BUSUK** dan **TIDAK REPUT** dan akan bangkit dalam tubuh asal diwaktu mati. 10 golongan tersebut ialah :

- 1 - Para Nabi
- 2 - Para Syuhada'
- 3 - Para Alim Ulama
- 4 - Para Ahli Jihad
- 5 - **Para Hafiz Al-Quran**
- 6 - Imam atau pemimpin yang adil
- 7 - Tukang Azan (Bilal)
- 8 - Wanita yang mati kelahiran/beranak
- 9 - Orang mati dibunuh atau dianiaya
- 10 - Orang yang mati di siang hari atau di malam Jumaat jika mereka itu dari kalangan orang yang beriman.

Dan yang terakhir ialah al-Quran menjanjikan kebaikan kepada kita :

*“Sebaik-baik kamu adalah yang mempelajari Al Qur’an dan yang mengajarkannya”* (Riwayat Bukhari dan Muslim)



## **MUHASABAH DIRI**


Hidup kita di atas muka bumi ini sudah lama, kadang ada yang dah 30 tahun tapi masih hafal hanya surah 3 qul sahaja.

Sampai bila kita nak berada di tahap itu. Kadang-kadang kita luangkan masa banyak dengan surat khabar, kerja dan sebagainya. Apa kata kali ni kita luangkan masa lebih sedikit dengan al-Quran, untuk menghafaznya, memahami dan seterusnya mengamalkannya. Inshaa Allah hidup kita ini akan lebih bermakna dan bahagia dunia akhirat.

Tetapi perlu diingat, dugaan orang yang ingin menghafal al-Quran ini sangat dahsyat dan sangat mencabar. Kita perlu sediakan mental & fizikal yang sangat kuat, kerana orang yang menghafal al-Quran ini adalah pilihan dari ALLAH S.W.T.

Ingat pepatah ini, jika anda pegang pepatah ini kuat-kuat, inshaa Allah segala dugaan dan rintangan semasa anda menghafal al-Quran akan dapat diatasi.

***“Nak seribu daya, taknak seribu dalih”***



## **ADAB SEBELUM & SEMASA MENGHAFAL**

1 - **Disunnahkan** membaca al-Quran sesudah berwuduk, dalam keadaan bersih, sebab yang dibaca adalah wahyu Allah. Kemudian ambil al-Quran dengan tangan kanan. Sebaiknya memegangnya dengan kedua belah tangan.


Jangan bawa al-Quran pada paras yang rendah, pegang dan peluk erat al-Quran di dada. Memuliakan al-Quran.



2 - **Disunnahkan** membaca al-Quran di tempat yang bersih seperti di rumah, di surau, di musolla dan di tempat-tempat lain yang dianggap bersih, tapi yang paling utama adalah Masjid.

Dengan membaca di masjid kita juga dapat pahala i'tikaf.

Jangan baca al-Quran di tempat yang kotor, busuk dan sebagainya.



3 - **Disunnahkan** membaca al-Quran menghadap qiblat, membacanya dengan khusyu' dan tenang. Sebaiknya dengan berpakaian yang bersih dan kemas.

Terdapat beberapa hadis yang menganjurkan menghadap kiblat, terutama ketika melakukan amal soleh. Diantaranya, Hadis dari Ibnu Abbas radhiyallahu 'anhuma, secara marfu',

خير المجالس ما استقبل به القبلة

“Duduk yang paling bagus adalah yang menghadap ke arah kiblat.” (HR. Thabari dalam Tahdzib al-Atsar 776)



4 - Ketika membaca al-Quran, **Disunnahkan** membersihkan gigi terlebih dahulu menggunakan siwak.

Jika tiada siwak, gosok gigi sebelum membaca al-Quran. Buang sisa-sisa yang ada di dalam mulut terlebih dahulu, barulah wangi dan segar. Nanti nak mengaji atau menghafal pun rasa segar.

Kita kalau nak pergi kerja atau jumpa kawan-kawan mesti rasa malu kalau gigi belum digosok. Ini apatah lagi ingin membaca kalam-kalam ALLAH, lagilah patut rasa malu kalau gigi dalam keadaan belum bergosok. Jadi, pastikan gosok dan bersihkan gigi dahulu.



5 – Baca ‘**taawuz**’ sebelum membaca al-Quran.

Taawuz itu yang berbunyi “A’udzubilla himinassyaitonirojim”

lanya adalah **SUNNAH**.

Sesudah itu baru baca **BASMALAH** “bismillahirrahmanirrohim” maksudnya diminta lebih dahulu perlindungan Allah, supaya terjauh dari pengaruh tipu daya syaitan sehingga hati dan fikiran tetap tenang untuk membaca al-Quran ataupun menghafal al-Quran.





## **PANTANG LARANG BILA MULA MENGHAFAL**

Menghafal ini ada juga pantang larang dia supaya kita dapat menjaga hafalan dengan baik.

Banyak benda rupanya kena jaga nak jadi seorang yang lebih mulia ini, terutamanya pandangan, makan, dan niat, bila tak jaga semua ini, ia akan tercalar dan mengganggu sedikit segala hafalan kita.

1 - Jauhi maksiat mata, maksiat telinga dan maksiat hati. Kadang-kadang tu melawan cakap ibu/ayah/suami pun adalah satu maksiat juga.

2 - Waktu afdhal membaca ialah sebelum subuh sehingga jam 9 pagi, nak buat waktu lain pun boleh ikut kesesuaian setiap individu.

3 - Kalau boleh jangan makan makanan yang berat-berat. Cukuplah dengan hanya makan madu/ kurma/ makanan sunnah nabi sebelum nak mula menghafal untuk menguatkan lagi ingatan.

Bila kita makan, cuba kemam lama sikit makanan dalam mulut & rasa nikmatnya itu biar terasa sampai ke otak.

Kalau tak makan apa-apa pun tidak mengapa, sebab selalunya bila kita lapar, lebih mudah dan lagi kuat ingatan kita. Contohnya kalau kita berpuasa lagi cepat nak ingat atau hafal. Insha ALLAH dengan izinNYA juga.



4 - Elakkan makan makanan yang melemahkan ingatan seperti epal hijau, daging merah, terung, air batu, sweet dishes, cili besar hijau & terminum air bersemut.

5 - Sentiasa memelihara mata dari melihat aurat orang lain. Termasuklah ketika menonton TV/ Internet/ media massa yang lain.

6 - Banyak berdoa, terutama waktu mustajab doa seperti ketika berbuka puasa, ketika belayar, selepas azan dan lain-lain lagi.

7 - Kerjakan solat hajat kepada Allah. Minta pertolongan dan bantuan dari Allah untuk memudahkan lagi menghafal.

8 - Menetapkan kadar bacaan setiap hari, contohnya, 5 baris, setengah mukasurat, setengah juz, 1 juz dan sebagainya.

9 – Menghafal atau mengulang setiap kali selepas solat fardhu 5 waktu atau solat sunat Tahajud dan Dhuha.

10 - Jangan membaca ketika sedang bosan, marah atau mengantuk.

11 - Fahamkan maksud ayat tersebut. InshaaAllah lebih penghayatan bila diulang kembali.

